

KUALA LUMPUR, 4 JUN (BERNAMA) --DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI KERAJAAN SEDANG MENKAJI DENGAN TELITI MENGENAI PEMILIKAN SAHAM OLEH MENTERI-MENTERI KABINET, MENTERI-MENTERI BESAR DAN ANGGOTA-ANGGOTA EXCO DALAM KOPERASI-KOPERASI.

PERDANA MENTERI BERKATA INI IALAH UNTUK MENGELAKKAN TUDUHAN BAHAWA MEREKA MEMPUNYAI KEPENTINGAN APABILA MEMBUAT SESUATU KEPUTUSAN MENGENAI KOPERASI-KOPERASI BERKENAAN.

+BAGAIMANAPUN, KERAJAAN TIDAK AKAN TERBURU-BURU MEMBUAT KEPUTUSAN KERANA BANYAK MASALAH AKAN TIMBUL, +KATANNYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG KE-LIMA KOPERASI USAHA BERSATU (KUB), DI SINI.

+KEBANYAKAN MEREKA HANYA MEMEGANG SAHAM YANG SEDIKIT. SAYA SENDIRI HANYA MEMPUNYAI \$1,000 SAHAM DALAM KOPERASI USAHA BERSATU,+ KATANYA.

SEBAGAI CONTOH, KATANYA, ADALAH SUKAR BAGI ANGGOTA-ANGGOTA EXCO YANG MEMILIKI SAHAM UNTUK BERSIDANG DAN MEMBUAT KEPUTUSAN MENGENAI KEGIATAN SESEBUAH KOPERASI.

BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT ITU SEBELUM ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN JUGA SEDANG MENELITI DALAM KAJIAN SEPARU PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT MENGENAI TIGA BENTUK KOPERASI YANG TERDAPAT DI NEGARA INI--KOPERASI BERBENTUK SYARIKAT BIASA SENDIRIAN BERHAD, KOPERASI YANG MENJALANKAN KEGIATAN TERBUKA DAN UNIT TRUST DAN KOPERASI PERNIAGAAN BESAR. -- LAGI MAHATHIR-KOPERASI 2 KUALA LUMPUR

KATANYA KAJIAN ITU PERLU DIBUAT KERANA SEKARANG TERDAPAT BANYAK KOPERASI YANG PERLU DIPERJENISKAN UNTUK MENENTUKAN JENIS KOPERASI MEREKA YANG SEBENARNYA.

TAMBAHNYA PADA MASA LALU TERDAPAT KOPERASI-KOPERASI YANG MENJALANKAN PERNIAGAAN SECARA BESAR-BESARAN DENGAN BERSELINDUNG SEBAGAI KOPERASI BIASA DENGAN TIDAK PAYAH MEMBAYAR CUKAI.

+TETAPI SEKARANG KERAJAAN TELAH PUN MEMUNGUT CUKAI DARIPADA KOPERASI-KOPERASI BERKENAAN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA WALAUPUN NEGARA MENGHADAPI KEMELESETAN EKONOMI, INI TIDAK BOLEH DIJADIKAN HELAH BAHAWA BUKAN MASANYA UNTUK BERNIAGA SEKARANG.

BANYAK SYARIKAT YANG MASIH MEMBUAT KEUNTUNGAN BESAR DAN INI MEMBUKTIKAN BAHAWA MASIH BANYAK BIDANG YANG BOLEH DITEROKAI TETAPI SYARATNYA MESTILAH BEKERJA KUAT.

+SAYA TIDAK AKAN JEMU-JEMU MENYATAKAN BAHAWA RAKYAT MESTI KERJA KUAT KERANA INILAH CARA YANG PERLU DIAMALKAN UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN,+ KATANYA.

TAMBAHNYA MASIH RAMAI PENIAGA MELAYU YANG Mencari JALAN MUDAH UNTUK MENDAPATKAN KEUNTUNGAN TANPA BERUSAHA LANGSUNG MENEROKAI PASARAN TERBUKA.--LAGI 1835/PA

ZCZC 8638

MAHATHIR-KOPERASI 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERHARAP KOPERASI USAHA BERSATU AKAN MENEROKA BEBERAPA PELUANG PERNIAGAAN YANG MASIH TERBUKA SEBAGAI USAHA MENGEMBANGKAN KOPERASI TERSEBUT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MAHU KOPERASI ITU MEMINTA NASIHAT DARI PAKAR-PAKAR UNTUK MENJAYAKAN PROJEK-PROJEK YANG AKAN DIJALANKAN.

AHLI-AHLI KOPERASI USAHA BERSATU JUGA JANGAN TERLALU MENGHARAPKAN DIVIDEN TAHUNAN TETAPI MENGANGGAP SAHAM MEREKA SEBAGAI PELABURAN YANG BERTERUSAN.--BERNAMA 1839/PA